

DBKL sedia hadapi peralihan monsun



Petugas DBKL ketika membuat pemantauan di kawasan yang terjejas ketika lebat melanda ibu negara minggu lalu.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini berada dalam keadaan bersiap siaga susulan hujan lebat yang melanda ibu negara.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, pemantauan rapi sedang dijalankan bagi menilai situasi semasa dan menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

"DBKL turut menasihati warga kota agar lebih berhati-hati dalam menjalankan aktiviti harian serta mematuhi arahan lalu lintas bagi memastikan keselamatan semua pihak terjamin," ujarinya dalam kenyataan.

Terdahulu media melaporkan antara kawasan dikenal pasti lokasi sering dilanda banjir termasuk Jalan Syed Putra, Jalan Peel, Jalan Dutamas, Jalan Pahang, Jalan Maharajalela, Jalan Raja

Chulan, Jalan Genting Kelang, Lorong Titiwangsa 11, Jalan Pahang Barat dan Jalan Tun Razak.

Namun, DBKL telah melaksanakan pelbagai langkah mitigasi, termasuk mempercepat projek tebatan banjir dan mempergiat kerja penyelenggaraan kolam takungan serta sistem saliran bandar.

Selain itu, Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 telah dilancarkan dengan peruntukan sekitar RM10 juta, merangkumi 25 lokasi tumpuan banjir.

Kuala Lumpur ketika ini mengalami musim peralihan monsun sehingga menyebabkan hujan lebat hampir setiap hari yang mana purata hujan bulanan melebihi 260 milimeter dengan lebih 20 hari hujan sepanjang April.